

19 SEP 2002

Tioman-Maznah

PENDUDUK TIOMAN JANGAN GOPOH JUAL TANAH - MAZNAH

Oleh: Mohd Zamri Abdul Ghani

PULAU TIOMAN, 19 Sept (Bernama) -- Penduduk di Pulau Tioman tidak perlu tergopoh-gapah dan terpengaruh dengan tawaran membeli tanah mereka kerana kerajaan mempunyai perancangan tersusun untuk membangunkan pulau ini tanpa mengenyampingkan kepentingan penduduk asalnya, kata Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Pahang Datuk Maznah Mazlan.

Beliau berkata kerajaan negeri Pahang akan bertindak mengawal pembangunan di pulau ini bagi memastikan setiap pembangunan di Tioman tidak menjejaskan penduduk tempatan dan alam sekitarnya.

"Sebagai status pulau bebas cukai, kerajaan negeri akan menyediakan pelan struktur pembangunan yang terancang dan menyediakan zon untuk perniagaan, institusi awam serta kemudahan infrastruktur yang tidak memberi kesan buruk kepada penduduk setempat serta alam semulajadi," katanya kepada pemberita selepas melawat pulau ini semalam.

Maznah turut mengingatkan pihak tertentu supaya tidak mengambil kesempatan dengan menawarkan harga tinggi untuk membeli tanah penduduk di sini.

Pemberian taraf pulau bebas cukai kepada Tioman, yang terletak 36 batu nautika dari Tanjung Gemok, Rompin, berkuatkuasa 1 Sept lepas. Ia diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada awal tahun ini.

Maznah berkata kerajaan akan membangunkan 9 peratus daripada keluasan pulau ini dengan perbelanjaan sebanyak RM30 juta dan tidak membabitkan kawasan hutan, bukit dan pantai.

Ini kerana strategi pembangunan di pulau ini ialah untuk mengekal, memulihara dan menyelenggarakan persekitaran alam sekitar agar dapat dinikmati pengunjung secara berterusan.

Pulau Tioman mempunyai 3,201 penduduk yang mendiami beberapa perkampungan seperti Kampung Salang, Air Batang, Tekek, Genting, Mukut, Lanting, Nipah dan Juara.

Beliau berkata: "Sesetengah penduduk sebelum ini tidak memahami status bebas cukai, mereka fikirkan pulau ini akan menjadi pusat komersial semata-mata sedangkan kerajaan mahu menjadikan pulau ini sebagai sebuah pulau berkonsepkan pelancongan antarabangsa berpersekitaran berkualiti tinggi."

Kerajaan negeri juga akan menyediakan beberapa penempatan baru berupa rumah kos rendah kepada penduduk yang terlibat dalam pembangunan penyusunan baru pulau berkenaan.

Projek pembangunan di pulau ini akan dimulakan dalam tempoh tiga hingga empat bulan semasa musim tengkujuh akan datang ketika kedatangan pelancong berkurangan, katanya.

-- BERNAMA

ZAM MS RON